

Post Press Release

PELEPASAN BENIH UDANG PUTIH: LANGKAH STRATEGIK KPRJ MEMPERKUKUH INDUSTRI MAKANAN NEGARA

JOHOR BAHRU, 29 MEI 2025 - Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd (KPRJ) hari ini mengadakan Majlis Pelepasan Benih Udang Putih bagi projek Rintis KPRJ yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor. Inisiatif ini bertujuan meneroka potensi baharu dalam bidang akuakultur bagi memperkukuh agenda keterjaminan makanan selari dengan Dasar Agro Makanan Negara.

Acara simbolik ini menandakan permulaan kepada pelaksanaan projek penternakan udang putih di tanah seluas 8.8 ekar diatas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di Kolam Inkubator Fasa III Gelang Patah. Projek ini akan memberi fokus kepada pengumpulan data serta pemindahan ilmu (*transfer of knowledge*) dan penghasilan stok udang putih kepada komuniti dan pengusaha tempatan.

Projek rintis ini merupakan inisiatif strategik yang menyasarkan pembangunan sistem penternakan udang putih secara mampan sebagai satu model perniagaan baharu dalam sektor agro pertanian. Di samping itu, inisiatif ini turut menyokong agenda keterjaminan makanan negara melalui peningkatan hasil akuakultur tempatan.

Menurut Yang Berhormat Dato' Lukman bin Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif KPRJ, "Penglibatan KPRJ dalam agenda keterjaminan makanan ini bukan sekadar pelaksanaan teknikal, tetapi merupakan permulaan kepada perubahan paradigma dalam pendekatan kita terhadap sumber makanan yang lestari. Ia juga membuka ruang kolaborasi antara sektor awam seperti Jabatan Perikanan Negeri Johor dan Pertubuhan Peladang Kawasan Johor Bahru Selatan serta komuniti tempatan."

Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor berkata, "Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited dalam memperkukuh sektor agromakanan negeri melalui pendekatan yang bersifat inovatif dan lestari. Kerajaan Negeri turut mengalu-alukan penglibatan syarikat milik kerajaan (GLC) dalam usaha untuk merancakkan lagi pembangunan sektor agromakanan di Johor. Sehubungan itu, projek yang dilaksanakan oleh KPRJ merupakan antara bentuk kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan GLC dalam memperkasakan industri agromakanan, khususnya dalam sektor akuakultur.

Sepanjang tempoh pelaksanaan banyak manual serta prosedur telah dipraktikkan selain latihan teknikal dan sesi libat urus bagi memastikan kejayaan dan pengembangan projek ini ke peringkat yang lebih baik. Mekanisma pelaksanaan kadar kitaran tuaian bagi penternakan udang ini adalah selama 90 hari bagi 560,000 benih dengan anggaran tuaian antara 8 hingga 10 metrik tan sekali tuaian. Hasil dapatan daripada projek ini akan menjadi rujukan penting dalam membentuk dasar dan pelan tindakan masa depan abgi KPRJ dalam sektor akuakultur.

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Ierni Suriani binti Ahsim

Corporate Communications
Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.
E: ierni@kprj.com.my
M: +60197001199

'Ainul 'Aziem binti Rahim

Corporate Communications
Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.
E : ainul.aziem@kprj.com.my
M: +60147194418

Mengenai Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.

Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. ("KPRJ"), sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor ditubuhkan sebagai syarikat sendirian berhad pada 8 November 1995. KPRJ telah membina reputasinya dengan menjalankan peranan sebagai pemaju projek sosial dan infrastruktur untuk rakyat Johor. Aktiviti utama KPRJ melalui anak syarikatnya kini merangkumi 5 sektor iaitu Kejuruteraan & Pembinaan, Pembangunan Hartanah & Penyelenggaraan Aset, Pembangunan Sukan, Ekonomi Digital dan Alam Sekitar.

KPRJ memainkan peranannya secara aktif sebagai pihak berkepentingan bagi mewakili Kerajaan Negeri Johor di dalam pembangunan Iskandar Malaysia. Bersandarkan kepada visi dan perancangan, KPRJ akan terus melaksanakan strategi-strategi yang membawa nilai-nilai baharu bagi mendukung aspirasi dan kepercayaan kepada pihak yang berkepentingan.